



PENINSULA
COLLEGE
GEORGETOWN DK266-03(P)

PEPERIKSAAN AKHIR

Semester	:	MAY 2025 SEMESTER
Nama Program	:	BSC (HONS) MARITIME BUSINESS & LOGISTICS BA (HONS) MARITIME BUSINESS & LOGISTICS BSC (HONS) COMPUTER SCIENCE (SOFTWARE ENGINEERING)
Kod & Nama Kursus	:	MPU3213 BAHASA KEBANGSAAN A
Masa	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Sila baca arahan yang diberikan dalam kertas soalan dengan teliti.
2. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan sahaja.
3. Sila jawab kesemua soalan.
4. Sila jawab soalan di dalam kertas jawapan peperiksaan yang disediakan.
5. Kamus elektronik, nota, file atau sebarang bahan kecuali alat penulisan adalah dilarang.

Kertas soalan ini mestilah dihantar bersama-sama dengan semua kertas kasar yang telah digunakan/tidak digunakan serta kertas graf (jika ada). Calon **DILARANG** mengambil sebarang bahan peperiksaan keluar dari dewan peperiksaan.

AMARAN:

Lembaga Peperiksaan Kolej Peninsula, Georgetown menganggap tindakan meniru sebagai satu kesalahan yang paling serius dan tidak akan teragak-agak untuk mengenakan hukuman yang berat keatas kesalahan yang dilakukan. Ini seiring dengan klausa yang telah ditetapkan di dalam Buku Panduan Pelajar termasuklah mengambil tindakan memberhentikan pelajar dari Kolej Peninsula, Georgetown.

(Kertas jawapan ini mengandungi 3 halaman yang bercetak termasuklah halaman ini)

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBENARKAN
BERBUAT DEMIKIAN**

Jawab kesemua **EMPAT (4)** soalan yang disediakan.

[100 markah]

1.

Laporan merupakan ringkasan program yang telah dilaksanakan oleh sesebuah organisasi. Ianya merupakan dokumen yang meringkaskan kemajuan, cabaran dan hasil program tersebut.

Berdasarkan kepada pernyataan di atas mengenai laporan program, jawab soalan-soalan yang berikut:

- a) Kemukakan **TIGA (3)** objektif penulisan sesebuah laporan berserta dengan **DUA (2)** format yang diperlukan. (5 markah)
- b) Majlis Perwakilan Pelajar Kolej Peninsula Georgetown telah mengadakan lawatan sambil belajar ke sebuah kilang di Batu Kawan. Sebagai setiausaha Majlis Perwakilan Pelajar, anda diminta menyediakan satu laporan rasmi berkaitan lawatan tersebut untuk dikemukakan kepada pihak pengurusan kolej. (20 markah)
- Jumlah: [25 markah]

2. a)

Kata Kerja Transitif Aktif	Kata Kerja Transitif Pasif
Pak Man menyapu lantai di ruang tamu.	i.
ii.	Mee goreng itu dijual oleh Mak Limah di gerai.
Sulaiman mengecat rumah kawannya.	iii.
Abang Talib sedang menggorek sebuah lubang yang besar di halaman rumah.	iv.
v.	Motosikal lama itu ditunggang oleh Johari.

Isikan jawapan yang bersesuaian di dalam kotak yang disediakan di atas. (10 markah)

b)

Pola Ayat	Ayat Dasar	Klasifikasikan Golongan Kata
Pola Ayat 1	Ayah seorang guru sekolah rendah.	i.
Pola Ayat 2	Cikgu Lim pandai berpidato.	ii.
Pola Ayat 3	Shamsudin menonton wayang di bandar.	iii.
Pola Ayat 4	Dato Onn ke Kuala Lumpur petang nanti.	iv.

Berdasarkan kepada ayat-ayat dasar di atas, klasifikasikan golongan katanya. (10 markah)

- c) Bezakan di antara **ayat tunggal** dengan **ayat majmuk** dan sertakan contohnya. (5 markah)
Jumlah: [25 markah]

3. a) Kemukakan proses pembentukan ayat susunan **Songsang** dan sertakan contohnya. (5 markah)

b)

Akronim	Perkataan Penuh	Bina Ayat
USM	(i)	
PAWAGAM	(ii)	
HALAJU	(iii)	
BSN	(iv)	
TASKA	(v)	

Berdasarkan kepada kotak di atas, lengkapkan jawapan berserta dengan ayat yang berkaitan. (10 markah)

- c) Untuk setiap jenis ayat yang berikut, bina **SATU (1)** ayat yang bersesuaian. (10 markah)
- i) Ayat Penyata
 - ii) Ayat Tanya
 - iii) Ayat Perintah
 - iv) Ayat Seruan

Jumlah: [25 markah]

- 4 a)

Definisi S.T. Coleridge (Barat):
Puisi ialah kata-kata terbaik dalam susunan terbaik: *The best words in the best order.*

Merujuk kepada definisi puisi yang dinyatakan di atas, bincangkan **EMPAT (4)** ciri Puisi. (10 markah)

- b) Sajak merupakan puisi Melayu moden.
Merujuk kepada definisi sajak diatas, kemukakan **TIGA (3)** cirinya. (6 markah)

- c) Huraikan gaya bahasa yang berbentuk pengulangan. (9 markah)
Jumlah: [25 markah]

- KERTAS SOALAN TAMAT -